

Jangan buat demonstrasi untuk tujuan tidak baik - Majlis Fatwa

# Haram cetus huru-hara

● Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia semalam memutuskan haram bagi umat Islam menyertai perhimpunan atau demonstrasi yang mencetuskan huru-hara dan kekacauan dalam negara.

● Pengerusinya, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin menegaskan semua perhimpunan yang bertujuan tidak baik termasuk perhimpunan haram Bersih 3.0 pada 28 April lalu tidak membawa sebarang manfaat kepada masyarakat dan sebaliknya menyusahkan orang lain.



## BERSIH 3.0

● Panel jawatankuasa yang dianggotai 24 ahli termasuk 14 mufti yang mewakili setiap negeri menegaskan, tindakan tersebut adalah haram dan bertentangan dengan pandangan majoriti ahli sunah wal jamaah yang menjadi panduan umat Islam di negara ini.

● Sesiapa juga tidak boleh buat, tidak boleh bersetuju ke arah usaha mendatangkan kemudaratan, keresahan, menjadikan rusuhan sesama kita hingga berpecah, apatah lagi kalau berlaku pertumpahan darah.

ABDUL SHUKOR HUSIN  
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa

BERITA PENUH DI MUKA 3

## Bersih: Saudi mungkin larang kerjakan haji

● Rakyat negara ini mungkin dilarang mengerjakan haji atau umrah untuk tempoh tertentu selepas sekumpulan aktivis dikesan menganjurkan perhimpunan haram Bersih 3.0 di Mekah dan Madinah, baru-baru ini.

● Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, sebelum ini, Arab Saudi pernah melarang rakyat dari sebuah negara Islam daripada mengerjakan haji dan umrah selama tiga tahun kerana terdapat rakyatnya yang berdemonstrasi di tanah suci itu.

● Menurutnya, pihak berkuasa Arab Saudi cukup tegas dengan sebarang demonstrasi haram dan dikhuatiri tindakan sama turut dikenakan ke atas Malaysia.

● Beliau menegaskan, penganjur Bersih 3.0 perlu bertanggungjawab sekiranya jemaah dari negara ini dilarang mengerjakan ibadat haji dan umrah untuk tempoh tertentu.

BERITA PENUH DI MUKA 4